

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 23 OKTOBER 2017, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 33

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1353-L03201
Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar Bin Musa [Ketereh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha sama yang dirangka dalam mempertingkatkan usaha memerangi jenayah rentas sempadan, jenayah terancang dan jenayah siber selaras dengan tumpuan untuk mewujudkan dunia yang lebih selamat menerusi kerjasama polis sedunia pada abad ke-21.
2. PR-1353-L04070
Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan berikutan dengan kenyataan rasmi Kerajaan Malaysia yang tegas mengecam tindakan genosid etnik Rohingya. Apakah Kerajaan akan mengambil inisiatif menyakinkan pemimpin ASEAN untuk mengadakan mesyuarat khas bagi membincangkan isu Rohingya dan adakah Kerajaan akan memberhentikan semua pelaburan GLC dan GLiC di Myanmar.
3. PR-1353-L03090
Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jelaskan berdasarkan cadangan Kementerian untuk menghantar pelajar yang mempunyai masalah disiplin serius untuk menjalani program pemulihan di penjara atau lokap, apakah perkara-perkara yang diteliti oleh Kementerian bagi memastikan perlaksanaan program ini nanti dapat mencapai objektif dan memberi impak yang dihasratkan.

4. PR-1353-L03716
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan mengapakah jumlah pelaburan sektor pembuatan untuk separuh tahun pertama sehingga akhir bulan Jun 2017 masih belum diumumkan dan berikan jumlah pelaburan-pelaburan tersebut mengikut pecahan negeri. Pelabur dari negara manakah yang terbesar untuk Pulau Pinang.
5. PR-1353-L03033
Tuan Anuar Bin Abd Manap [Sekijang] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan program-program peningkatan atlet pasca Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 dalam persediaan menghadapi Sukan Asia dan Sukan Komanwel yang akan diadakan pada tahun hadapan.
6. PR-1353-L03241
Dato' Takiyuddin Bin Hassan [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah persiapan dan peruntukan kewangan Kerajaan Persekutuan bagi menghadapi bencana banjir yang dijangka melanda negeri-negeri Pantai Timur menjelang penghujung tahun ini terutamanya di Negeri Kelantan.
7. PR-1353-L03446
Datuk Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk mengatasi pencemaran laut dan hidupan marin yang kurang mendapat perhatian masyarakat.
8. PR-1353-L03930
Dato' Dr. Mujahid Bin Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang telah diberikan pada tahun 2017 untuk subsidi baja dan racun bagi petani yang mengusahakan sawah padi di daerah Kerian dan seluruh negara.
9. PR-1353-L03836
Dato' Hajah Normala Binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah inisiatif di peringkat Kementerian dalam menyokong dan menjayakan pelancaran Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang merupakan pelan jangka panjang untuk membentuk Malaysia menjadi negara beraspirasi rakyat.

10. PR-1353-L03144
Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan berapa ramai orang mendapat subsidi Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) daripada Lembaga Minyak Sawit Malaysia setiap tahun di Sarawak. Adakah skim subsidi akan diteruskan pada masa akan datang.
11. PR-1353-L02913
Datuk Hajah Norah Binti Abd. Rahman [Tanjong Manis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Majlis Halal Malaysia (MHM) bercadang meletakkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Halal Industry Development Corporation (HDC) di bawah satu Kementerian bagi memudahkan koordinasi dan kerjasama antara kedua-dua jabatan dan agensi Kerajaan tersebut.
12. PR-1353-L03429
Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa kelulusan pendaftaran Pakatan Harapan dan logo Pakatan Harapan dilambatkan. Apakah syarat dan kriteria tambahan yang diperlukan oleh ROS.
13. PR-1353-L02837
Dato' Sri Hasan Bin Malek [Kuala Pilah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berikutan usaha murni Kerajaan dalam memperkenalkan BR1M, Perumahan Rakyat 1Malaysia dalam usaha membantu golongan bawahan, apakah tindakan ataupun perancangan diambil oleh Kerajaan bagi membantu golongan peringkat pertengahan dalam sudut kehidupan seharian, pendidikan anak-anak, perlindungan kesihatan dan hari tua, kerana golongan ini turut menerima kesan yang besar daripada peningkatan kos sara hidup ditambah lagi menetap di kawasan bandar.
14. PR-1353-L03587
Tuan Gooi Hsiao Leung [Alor Setar] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kegagalan menubuhkan universiti penyelidikan dan pembangunan (R&D) teknologi tinggi di Alor Setar yang BN janjikan dalam manifesto PRU13 Kedah, untuk membangunkan Alor Setar menjadi Bandaraya Metropolis, tumpuan ilmunan.
15. PR-1353-L02877
Datuk Dr. Ewon Bin Ebin [Ranau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
 - (a) apakah kekangan yang dihadapi oleh pihak Kerajaan dalam membuat kajian semula Perjanjian Malaysia yang dimeterai pada tahun 1963 yang sepatutnya dibuat selepas 10 tahun ianya ditandatangani; dan

- (b) apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan bagi menangani kegelisahan serta ketidakpuasan hati di kalangan rakyat negeri Sabah dan Sarawak dalam perkara ini.
16. PR-1353-L03578
Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan jumlah kos pembinaan Kolam Biru di kawasan Masjid Jamek dan kos 'landscaping' untuk mengindahkan kawasan tebing sungai di kawasan Masjid Jamek ke Pasar Seni.
17. PR-1353-L03011
Dato' Dr. Noraini Binti Ahmad [Parit Sulong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah atau inisiatif seterusnya yang akan diambil pihak Kerajaan dalam memperkukuh pembangunan modal insan di negara ini setelah menyaksikan Malaysia kini tersenarai di tangga kedua terbaik Asia Tenggara dan ke-33 dunia dalam Pembangunan Modal Insan oleh World Economic Forum.
18. PR-1353-L03393
Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) mengapa Pesakit Bayar Penuh(FPP) yang menjalani pembedahan pintasan jantung di hospital kerajaan dikenakan caj tambahan "prosedur kompleks" bila mana bayaran untuk prosedur kompleks telah pun ditetapkan tinggi; dan
- (b) mengapakah pakar bius kardiotorasik di hospital Kerajaan bercadang untuk mengenakan bayaran untuk "cardio-pulmonary bypass" bila mana prosedur ini dilakukan oleh pembantu perubatan terlatih khas semasa pembedahan jantung terbuka dan sama ada pakar bius Kerajaan menyalahgunakan skim pesakit bayar penuh (FPP).
19. PR-1353-L03273
Dato' Haji Mohd Zaim Bin Abu Hasan [Parit] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kenapa kegiatan mengemis sama ada rakyat tempatan dan warga asing semakin berleluasa di negara ini terutama di restoran dan di medan selera yang kebiasaannya orang buta akan diiringi oleh orang celik penglihatan. Apakah tidak ada tindakan diambil ke atas kegiatan ini, yang sangat mengaibkan imej negara.

20. PR-1353-L03854
Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan seterusnya untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi kes Memali selepas Kerajaan menyatakan kesediaannya tempoh hari .
21. PR-1353-L04082
Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan berikutan penangguhan pembukaan semula Pusat Sains Negara:-
- (a) mengapa pembukaannya masih ditangguhkan; dan
 - (b) siapakah kontraktor yang bertanggungjawab serta jumlah nilai tendernya.
22. PR-1353-L03074
Tan Sri William Mawan Ikom [Saratok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan dalam terus memperkasakan Dasar Ekonomi Baru (DEB) negara kita .
23. PR-1353-L03453
Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara terperinci jumlah "Stateless Children" mengikut daerah di seluruh Sabah dan jika cadangan oleh Jawatankuasa (yang ditubuhkan selepas RCI Sabah) akan dapat menyelesaikan masalah "Stateless Children" di Sabah.
24. PR-1353-L03247
Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan ke arah memperbaiki keadaan perubahan cuaca memandangkan bahawa Malaysia sering dilanda banjir setiap tahun.
25. PR-1353-L03585
Tuan Gooi Hsiao Leung [Alor Setar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kelambatan membangunkan Bandaraya Getah di Padang Terap, Kedah, yang BN janjikan dalam manifesto PRU13 Kedah akan mewujudkan 13,000 peluang pekerjaan berpendapatan sederhana dan tinggi.

26. PR-1353-L02936
Dato' Sri Ikmal Hisham Bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah kejayaan dalam membanteras penyeludupan di kawasan sempadan dan apakah langkah-langkah yang dilakukan bagi menghapuskan kegiatan haram tersebut.
27. PR-1353-L03341
Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kementerian akan memperluaskan Program Khidmat Bantu di Rumah dan merekrut pekerja kes tetap untuk program tersebut supaya dapat mengurangkan beban terhadap rumah kebajikan orang tua serta meringankan beban Orang Kurang Upaya (OKU).
28. PR-1353-L03392
Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) sama ada doktor dan jururawat yang berkhidmat di Hospital Kampar akan ditugaskan untuk bekerja di hospital baru di Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Kampar; dan
 - (b) sama ada pesakit yang dirawat di hospital baru UTAR ini akan membayar caj yang sama seperti di hospital Kerajaan lain dan sama ada pesakit di hospital baru ini terpaksa membayar caj sebagai Pesakit Bayar Penuh (FPP).
29. PR-1353-L02817
Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik terkini jumlah penagih dadah yang dikesan di seluruh negara serta sejauh manakah pendekatan Kementerian dalam mendidik dan mencegah generasi muda daripada terjebak dengan gejala penagihan dadah.
30. PR-1353-L04026
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keselamatan negara dan keadaan militan termasuk bilangan yang telah ditahan.

31. PR-1353-L03304
Datuk Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh [Setiu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik peminjam bank yang muflis akibat gagal membayar ansuran bulanan pinjaman bank setakat ini serta undang-undang yang dirangka bagi melindungi peminjam yang ditindas oleh institusi pemberi pinjaman.
32. PR-1353-L03353
Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :-
- (a) secara terperinci berapakah kos yang dibelanjakan oleh Kerajaan untuk membiayai perjumpaan Perdana Menteri Malaysia dengan Presiden Amerika Syarikat pada 13 September 2017 di Washington; dan
 - (b) apakah hasil dan manfaat yang diperoleh oleh rakyat Malaysia daripada perjumpaan tersebut.
33. PR-1353-L03935
Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam Bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan pelaksanaan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) di dalam usaha untuk melahirkan sasaran 125,000 orang Huffaz Profesional menjelang tahun 2050 di bawah Gagasan TN50.
34. PR-1353-L03794
Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre Bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan pelaksanaan cadangan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) untuk menggubal satu akta dan/atau peruntukan berkaitan salah laku penjawat awam (misconduct for civil service act), supaya sesiapa yang menyebabkan kerugian besar dalam dana awam boleh dihadapkan dengan pertuduhan jenayah.
35. PR-1353-L02858
Datuk Jumat Bin Idris [Sepanggar] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan perancangan Kementerian untuk mewujudkan "The Mind Centre" di kawasan Sepanggar bagi memenuhi keperluan graduan cemerlang meningkatkan kemahiran dan kebolehan inovasi mereka.

36. PR-1353-L03998
Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan butiran terperinci jumlah kos penginapan dan jumlah bilik yang ditempah mengikut pecahan kategori berlainan di Trump International Hotel, Washington D.C. oleh delegasi Perdana Menteri semasa lawatan rasmi ke Amerika Syarikat dari 11 hingga 13 September 2017.
37. PR-1353-L04000
Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan dengan terperinci apakah jenis pelaburan yang telah dimeterai dengan Presiden Amerika Syarikat Donald Trump dalam lawatan bulan September 2017 ke Amerika Syarikat dan apakah justifikasi pelaburan yang dipersetujui. Mengapa ianya tidak dibentangkan di Dewan Rakyat.
38. PR-1353-L04134
Tuan Mohd Rafizi Bin Ramli [Pandan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan 10 syarikat (yang tidak dimiliki Kerajaan, badan awam atau koperasi) yang diberikan permit teksi terbanyak, setiap satunya diberikan nama, jumlah permit teksi yang dimiliki dan pemilik saham terbesar, setakat September 2017.
39. PR-1353-L03812
Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kematian di Unit forensik, Hospital Raja Perempuan Zainab II, dan Unit forensik HUSM dari Daerah Bachok menurut kategori tahun, sejak 2010. Apakah usaha yang dibuat oleh Kementerian bagi memastikan penduduk Bachok mendapat kemudahan rawatan kecemasan yang segera, sebelum siapnya Hospital Bachok.
40. PR-1353-L03633
Ir. Shaharuddin Bin Ismail [Kangar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah penyeludupan masih lagi berleluasa di sempadan Perlis - Thailand sedangkan AKSEM telah di tempatkan di sempadan.
41. PR-1353-L04132
Tuan Mohd Rafizi Bin Ramli [Pandan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kontrak perolehan Kerajaan yang melantik pembekal melalui "tender terhad" mengikut kategori harga iaitu kurang RM10 juta , RM10 juta ke RM50 juta , lebih RM50 juta dan Kementerian, setiap tahun sejak 2009 hingga sekarang.

42. PR-1353-L03149
Dato' Sri Hasan Arifin [Rompin] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk menentukan masa depan sistem kewangan Islam agar memberi impak yang lebih besar kepada pembangunan ekosistem ekonomi dan global.
43. PR-1353-L03726
Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat menggubal Akta Anti Rasis dan Akta Anti Diskriminasi. Sekiranya ada, bilakah akta-akta tersebut akan dibentang di Parlimen.
44. PR-1353-L03683
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan ingin memansuhkan hukuman mati di negara ini dan langkah-langkah yang akan diambil sementara sebarang pindaan undang-undang dibuat untuk tujuan tersebut. Nyatakan sama ada Kerajaan sedia menanggung semua perlaksanaan hukuman ini dalam masa sementara itu ('moratorium').
45. PR-1353-L04122
Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran Bin Abdul Hamid (B) [Lumut] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan pencerahan memandangkan usia persaraan kakitangan awam telah berubah terma perkhidmatan warga angkatan tentera akan diubah oleh Majlis Angkatan Tentera Malaysia dan tidak tertakluk kepada perkhidmatan awam.
46. PR-1353-L03830
Tuan Ahmad Baihaki Bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN** menyatakan semenjak pelaksanaan cukai GST bermula April 2014 hingga kini, berapa peratuskah barang-barang yang telah mengalami penurunan harga, sebagaimana yang pernah dijanjikan oleh Perdana Menteri.
47. PR-1353-L03391
Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) sama ada Kementerian Kesihatan sudah menerima dan meluluskan permohonan daripada Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) untuk membina sebuah hospital baru di kampusnya di Kampar; dan

- (b) bilangan katil, kos pembinaan dan jangka masa siap pembinaan hospital baru tersebut dan jumlah wang yang akan disalurkan oleh Kerajaan ke arah pembinaan hospital baru tersebut.
48. PR-1353-L03879
Puan Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kemudahan dan insentif yang disediakan oleh Kementerian kepada guru-guru dan kakitangan yang bertugas di pedalaman termasuk di Sabah dan Sarawak seperti kesusahan dan perpindahan.
49. PR-1353-L03589
Tuan Gooi Hsiao Leung [Alor Setar] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan mengapa berlaku kegagalan membangunkan Taman Sains Kedah di Alor Setar seperti dijanjikan oleh BN dalam manifesto PRU13 Kedah, dengan pengkhususan dalam bidang agrotek.
50. PR-1353-L04133
Tuan Mohd Rafizi Bin Ramli [Pandan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai semua lantikan perunding/syarikat swasta (nama perunding dan jumlah bayaran) yang berkhidmat dengan mana-mana jabatan/Kementerian dalam kerja-kerja bersabit dasar, strategi, komunikasi dan pelaksanaan projek (disenaraikan ikut kategori), setiap tahun sejak 2009 hingga sekarang.
51. PR-1353-L03674
Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah peruntukan Kerajaan Persekutuan dalam pengurusan dan pembangunan di Sabah dan berapakah yang telah dibelanjakan dalam 10 tahun ini (2006-2016).

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. Menteri Kewangan

- * Rang Undang-Undang Perbekalan 2018

2. Menteri di Jabatan Perdana Menteri

- * Rang Undang-Undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Pindaan) 2017

3. Menteri Kesihatan

- * Rang Undang-Undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017

4. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

- * Rang Undang-Undang Pusat Jagaan (Pindaan) 2017

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|------------------|--|-------------------------------|
| 1. | (D.R. 32/2017) | Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Pindaan) 2017 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Menteri Pengangkutan] | |
| 2. | (D.R.34/2017) | Rang Undang-undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia (Pindaan) 2017 | “ |
| | | [Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan] | |
| 3. | (D.R. 29/2017) | Rang Undang-undang Setem (Pindaan) 2017 | “ |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 4. | (D.R.27/2017) | Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan 2017 | “ |
| | | [Menteri Sumber Manusia] | |

5. PR-1353-U(27)008
Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang [Marang] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49 (1) kepada Yang Berhormat Ahli bagi kawasan Marang untuk mencadangkan suatu Rang Undang-undang Ahli Persendirian bernama Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 2016 seperti berikut:

Pindaan Seksyen 2

Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355] dipinda dalam proviso kepada seksyen 2 dengan menggantikan perkataan "penjara selama tempoh melebihi tiga tahun atau denda melebihi lima ribu ringgit atau sebatan melebihi enam kali" dengan perkataan "penjara selama tempoh melebihi tiga puluh tahun atau denda melebihi satu ratus ribu ringgit atau sebatan satu ratus kali sebagaimana ditadbir selaras dengan tatacara jenayah Syariah."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

6. PR-1353-U(27)070

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, terdapat banyak tapak-tapak warisan yang terdapat di negara ini mempunyai nilai-nilai sejarah, potensi ekonomi dan keunikan yang boleh dijadikan sebagai tapak warisan dunia UNESCO.

Dewan ini hendaklah juga mengambil maklum bahawa Taman Kinabalu (Kinabalu Park) dan kawasan pemuliharaan Lembah Danum (Danum Valley conservation area) adalah antara kawasan yang mempunyai potensi yang baik untuk dijadikan sebagai "UNESCO Global Geopark" dan "UNESCO World Heritage Site".

Dan mengambil maklum juga bahawa, dengan mensasarkan Taman Kinabalu sebagai UNESCO Global Geopark dan kawasan pemuliharaan Lembah Danum sebagai UNESCO World Heritage Site yang ke-3 buat negara Malaysia (selepas taman negara gunung Mulu dan taman negara Kinabalu), negara dengan secara langsung akan dapat menempatkan namanya di kaca mata dunia sama ada dari segi pemuliharaan dan penjagaan alam sekitar selain menjadi destinasi pelancongan ulung di rantau ini.

Maka, bagi mencapai matlamat ini, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa Kerajaan hendaklah segera mengambil segala usaha dan tindakan yang perlu agar usaha yang dibuat oleh Kerajaan negeri Sabah bagi matlamat ini segera dapat dicapai."

[Menteri Pelancongan Dan Kebudayaan]

7. PR-1353-U(27)071

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa pewujudan dan pembinaan muzium warisan sesebuah masyarakat adalah merupakan satu bahan utama dalam menjaga bahan sejarah dan juga warisan mereka.

Dan mengambil maklum juga bahawa masyarakat cina telah memainkan peranan yang penting dalam pembangunan fizikal dan juga ekonomi negara malaysia sejak penubuhan negara ini khasnya di negeri Sabah.

Dan mengambil maklum juga bahawa masyarakat cina di Sabah bersama dengan rakyat tempatan telah "mengalirkan darah" mereka untuk mempertahankan negara ini terutama sekali dalam gerakan "Kinabalu Guerrillas" menentang pendudukan Jepun ketika perang dunia kedua, "Brunei Rebellion" dan "konferentasi", dimana mereka berkhidmat sebagai polis, tentera dan rangers pada ketika itu.

Dalam proses pembentukan negara ini, banyak peninggalan atau warisan masyarakat cina, yang tidak tersimpan, terpulihara atau didokumentasikan, maka tempat terbaik bagi tujuan ini adalah dengan menubuhkan muzium warisan masyarakat cina di Sabah khas.

Dan mengambil maklum juga bahawa negara asing seperti Indonesia juga telah membina muzium warisan hakka (cina) di Jakarta bagi menghargai dan mengiktiraf sumbangan masyarakat cina dalam pembangunan negara Indonesia.

Maka, bagi menghargai dan mengingati jasa masyarakat cina di negeri Sabah khususnya, dewan yang mulia ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa kerajaan Malaysia hendaklah dengan segera menimbangkan untuk menubuhkan dan membina "muzium warisan masyarakat cina" di negeri Sabah agar ianya menjadi satu lagi tapak sejarah pembangunan negara."

[Menteri Pelancongan Dan Kebudayaan]

8. PR-1353-U(27)072

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa penggunaan bahan bungkus dan bag hasil keluaran plastik adalah lebih banyak membawa kemudaratkan kepada manusia dan alam sekitar berbanding dengan manfaatnya.

Dan mengambil maklum juga bahawa semua jenis plastik adalah tidak mesra alam dimana hasil kajian mendapati bahawa plastik yang tertanam di bumi akan mengambil masa, tidak kurang daripada 25 tahun untuk terurai disamping merosakkan tanah dan saliran air/ sungai dan alam sekitar.

Dan mengambil maklum juga bahawa, bahan-bahan plastik ini juga merupakan antara punca penyebab kejadian banjir dimana ianya menyebabkan parit dan longkang tersumbat.

Dan mengambil maklum juga bahawa, terutama sekali di kawasan pantai, terdapat banyak sampah-sampah plastik yang terapung dan menjadikan tepi-tepi pantai hodoh dan kotor. Selain itu, bahan plastik yang terlepas ke lautan banyak merosakkan terumbu karang dan hidupan marin, terutama sekali penyu yang memakan bahan plastik kerana difikirkan sebagai obor-obor.

Maka, bagi menangani perkara-perkara yang boleh memudaratkan kehidupan manusia, alam sekitar dan hidupan marin, maka dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa penggunaan semua jenis pembungkus dan bag pembungkus berasaskan plastik diharamkan."

[Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar]

9. PR-1353-U(27)073

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Chinese Independent School di Malaysia menjalankan taksiran peperiksaan persekolahan mereka melalui sijil yang dikenali sebagai Unified Examination Certificate (UEC) yang mana dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu Unified Examination Certificate - Junior Middle (UEC-JML), Unified Examination Certificate Vocational (UEC-V) dan Unified Examination Certificate Senior Middle (UEC-SML).

Dan mengambil maklum juga bahawa, persijilan UEC telah pun digunapakai dalam persekolahan oleh United Chinese School Committees Association of Malaysia sejak ianya diperkenalkan pada tahun 1975.

Dan mengambil maklum juga bahawa sijil UEC yang diperkenalkan oleh UCSCAM ini telah diiktiraf oleh universiti di serata negara seperti di United Kingdom, United States of America, Taiwan, Hong Kong, China, Australia, Canada, Singapore dan lain-lain negara.

Dan mengambil maklum juga bahawa malangnya, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia atau secara khususnya, Lembaga Akreditasi Negara tidak mengiktiraf sijil UEC ini terutama sekali bagi kemasukkan ke universiti awam Malaysia, walaupun National University of Singapore yang berkedudukan tempat ke-empat universiti terbaik di dunia mengiktiraf sijil UEC ini.

Dan mengambil maklum juga bahawa dengan ketiadaan pengiktirafan yang dimaksudkan di atas, negara Malaysia secara tidak langsung mengalami kerugian yang besar dimana pemegang sijil UEC ini terpaksa meneruskan pendidikan tinggi mereka di luar negara di mana aliran wang keluar daripada negara ini dan juga kecenderungan lepasan sijil UEC ini untuk terus berkerja di luar negara adalah tinggi, di mana dalam hal ini negara Malaysia akan kerugian "aliran keluar" tenaga mahir ke luar negara.

Maka, bagi menangani masalah ini, dewan yang mulia ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa Kerajaan haruslah dengan segera mengiktiraf sijil Unified Examination Certificate bagi manfaat negara."

[Menteri Pendidikan]

10. PR-1353-U(27)074

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, tahap penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan murid dan graduan di negara ini adalah pada tahap yang amat minima dan keadaan ini telah menjadikan sumber tenaga manusia negara ini kurang berdaya saing di luar negara.

Dan mengambil maklum juga bahawa, kebanyakan bahan-bahan rujukan untuk pengajian yang terdapat di atas talian dan buku-buku rujukan adalah dalam bahasa Inggeris.

Mengambil maklum juga bahawa oleh kerana tidak dapat bertutur dan menulis dalam bahasa Inggeris dengan baik, sumber tenaga manusia dan para graduan dari negara Malaysia tidak berpeluang untuk berkerja dan bersaing di peringkat global.

Dan mengambil maklum juga bahawa sumber tenaga manusia daripada negara-negara yang membenarkan penggunaan bahasa Inggeris dalam sistem pembelajaran mereka, misalnya negara Filipina, adalah lebih mendapat pasaran tenaga kerja di peringkat antarabangsa.

Mengambil maklum juga bahawa, Kerajaan hendaklah mengambil kira saranan ramai ibubapa, agar Kerajaan mewujudkan sekolah menengah dengan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar bagi membolehkan anak-anak mereka menguasai bahasa Inggeris dengan baik agar kebolehpasaran anak-anak mereka dipertingkatkan.

Mengambil maklum juga bahawa sekolah menengah La Salle Tanjung Aru Sabah telah menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar sejak penubuhannya pada tahun 1903 sehinggalah dimansuhkan pada lewat tahun 1970an. Maka, bagi menangani masalah ini, dewan yang mulia ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa Kerajaan haruslah dengan segera meluluskan penubuhan sekolah menengah aliran bahasa Inggeris, sekurang-kurangnya satu sekolah menengah di setiap kawasan Parlimen sebagai permulaan dan bagi kawasan Parlimen P.173 Putatan, sekolah menengah La Salle Tanjung Aru sebagai perintis."

[Menteri Pendidikan]

11. PR-1353-U(27)077

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] akan mencadangkan :-

"Bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya melaksanakan pendaftaran pengundi secara automatik mengikut data di Jabatan Pendaftaran Negara."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

12. PR-1353-U(27)078

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] akan mencadangkan :-

"Bahawa pengambilan pekerja asing dikurangkan serta merta untuk memberi peluang pekerjaan kepada pekerja tempatan."

[Menteri Sumber Manusia]

13. PR-1353-U(27)079

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] akan mencadangkan :-

"Bahawa Majlis Bahasa Brunei-Indonesia-Malaysia diaktifkan semula untuk memajukan penggunaan Bahasa Melayu."

[Menteri Pendidikan]

14. PR-1353-U(27)081

Tuan Liew Chin Tong [Kluang] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menggesa bahawa Laporan penuh Jawatankuasa Siasatan Bebas mengenai kejadian kebakaran Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru pada 25 Oktober 2016 hendaklah diumumkan untuk makluman dan pengetahuan rakyat tentang punca-punca berlakunya kebakaran tersebut. Kerajaan juga didesak untuk menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk mencegah dan mengelakkan tragedi kebakaran berulang lagi di mana-mana hospital atau pusat perubatan. "

[Menteri Kesihatan]

15. PR-1353-U(27)082

Tuan Liew Chin Tong [Kluang] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi 100 juta oleh Kementerian Pertahanan, mesti dibawa ke Parlimen dibahas dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara supaya untuk syarat meneruskan pembelian ini. Ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dan keberkesanan pembelian sistem pertahanan. Ini adalah diakibatkan oleh pembelian Kapal Selam Scorpene telah menimbulkan banyak persepsi negatif terhadap negara."

[Menteri Pertahanan]

16. PR-1353-U(27)084

Tuan Liew Chin Tong [Kluang] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memuatkan semua Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab, Jawapan-Jawapan Pertanyaan Bertulis, serta Undi-Undi dan Perjalanan Mesyuarat (Votes and Proceedings) bagi Dewan Rakyat dan Dewan Negara ke dalam portal rasmi Parlimen Malaysia untuk memastikan ketelusan Parlimen. "

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

17. PR-1353-U(27)086

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia bukan anggota kepada Konvensyen 1951 dan Protokol yang berhubung dengan Pelarian. Sungguhpun demikian, kad UNHCR diterima sebagai dokumen yang sah bagi pelarian yang datang termasuk dalam urusan bekerja secara bebas di negara ini sehingga ada usaha-usaha dalam memalsukan kad tersebut bagi melepaskan diri mereka daripada ditangkap pihak berkuasa. Maka Dewan yang mulia ini hendaklah menjelaskan tanggungjawab yang diberikan kepada pemegang kad tersebut dan sekiranya benar ianya mengizinkan pelarian yang mempunyai kad kuasa tersebut bekerja di negara ini."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

18. PR-1353-U(27)087

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Dewan ini mencadangkan Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 60 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan impian Malaysia."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

19. PR-1353-U(27)088

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Dewan ini mencadangkan Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

20. PR-1353-U(27)089

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini membahaskan keberkesanan untuk mencegah kebakaran di Malaysia."

[Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

21. PR-1353-U(27)090

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mempertimbangkan cadangan untuk menghalang dan mengharamkan penjualan arak murahan (cheap liquor) secara mudah dan murah yang semakin berleluasa. Gejala pengambilan arak murahan ini menimbulkan pelbagai masalah sosial seperti keganasan rumah tangga dan gengsterisme serta merosakkan organ dalaman. Di samping itu, kawalan dan penyeliaan terhadap kedai-kedai menjual arak perlu diketatkan. Masa penjualan arak dan lokasi minum arak perlu dikaji. Kawasan tempat awam seperti di taman awam dan taman permainan kanak-kanak, minum arak wajib diharamkan. Dewan ini juga wajib mempertimbangkan penubuhan Pusat Pemulihan Arak (PPA) di setiap negeri di Malaysia untuk membendung masalah minum arak yang semakin berleluasa di kalangan anak muda merentasi sempadan bangsa dan agama."

[Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

22. PR-1353-U(27)091

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mempertimbangkan cadangan untuk kes kematian di bawah tahanan Polis DiRaja Malaysia, keluarga simati diberi kebenaran sepenuhnya untuk memperoleh Pakar Perubatan Forensik sendiri bagi mewakili pihak keluarga simati semasa bedah siasat dijalankan."

[Menteri Dalam Negeri]

23. PR-1353-U(27)094

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] akan mencadangkan :-

"Bahawasanya Dewan yang mulia ini meluluskan satu ketetapan supaya YAB Perdana Menteri dan seluruh anggota Menteri Kabinet mengisytiharkan harta dan aset mereka kepada Dewan Rakyat tiap-tiap tahun pada bulan Disember."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

24. PR-1353-U(27)096

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] akan mencadangkan :-

"Bahawasanya Dewan yang mulia ini meluluskan satu ketetapan selaras dengan titah Majlis Raja-Raja Melayu dimana Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 dibentang dan dikaji semula di Dewan Rakyat dengan kadar segera."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

25. PR-1353-U(27)092

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar] akan mencadangkan :-

Bahawa Dewan ini mendesak agar pendidikan agama diperkenalkan di sekolah kepada pelajar bukan Islam sebagai langkah untuk menerapkan nilai-nilai murni dan keagamaan di kalangan pelajar bukan Islam bagi menangani gejala sosial yang kian meningkat dan berleluasa akibat daripada kegagalan sistem pendidikan di Malaysia.

[Menteri Pendidikan]

****UCAPAN-UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17 BAHARU)
(KAMAR KHAS)

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 23.10.2017 (Isnin)	1. YB Dato' Dr. Noraini Binti Ahmad (Parit Sulong)	1. Isu Masalah Banjir Kilat Di Sekitar Parlimen Parit Sulong	1. YB Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar
2. 23.10.2017 (Isnin)	2. YB Tuan Liew Chin Tong (Kluang)	2. Suruhanjaya Tenaga Perlu Melindungi Pengguna Dalam Proses Tuntutan Kerugian Hasil TNB	2. YB Menteri Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17 Baharu)**